

BIOGRAFI HASAN AL-BANNA DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEMURNIAN AKIDAH UMAT ISLAM

Oleh
Muhammad Nasron bin Yaacob¹

Abstrak

Hasan al-Banna adalah seorang tokoh pendakwah, pengasas dan pemimpin gerakan Ikhwan al-Muslimin yang terkenal di Mesir. Aspek akidah pula adalah satu aspek yang sangat penting dan lebih utama berbanding aspek-aspek lain dalam agama Islam. Justeru itu artikel ini membuat kupasan tentang biografi Hasan al-Banna dan sumbangan yang diberikan oleh beliau dalam memurnikan nilai-nilai akidah yang menjadi pegangan umat Islam pada zamannya. Dapatan kajian mendapati Hasan al-Banna telah menggunakan profil dakwahnya, karya-karya dan organisasi Ikhwan al-Muslimin sebagai wadah untuk menyatakan keutamaan manhaj akidah al-Salaf berbanding manhaj lain, seterusnya mengajak umat Islam meletakkan ciri-ciri akidah mereka selari dengan akidah yang diajarkan al-Quran dan al-Sunnah.

PENDAHULUAN

Hasan al-Banna adalah seorang tokoh dakwah Islam yang tersohor di Mesir khususnya pada pertengahan abad ke-20. Beliau adalah seorang ilmuwan Islam yang gigih berusaha meniup semangat kesedaran Islam kepada umat Islam seluruh dunia. Jasa dan sumbangan Hasan al-Banna ini telah menjadi panduan umat Islam seluruh dunia sehinggalah ke hari ini.

PENGENALAN TOKOH

Hasan al-Banna dilahirkan pada 14 Oktober 1906 (1324H) di al-Mahmudiyyah, iaitu satu daerah yang terletak dalam jajahan al-

¹ Muhammad Nasron bin Haji Yaacob (MA), Pensyarah Jabatan Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Buhairah, salah satu jajahan di Mesir². Bapanya Ahmad Abd al-Rahman al-Banna amat mementingkan pendidikan agama terhadap anak-anaknya, kerana itu Hasan al-Banna membesar dengan didikan agama yang sempurna³. Latarbelakang bapa Hasan al-Banna iaitu Ahmad Abd al-Rahman al-Banna sendiri menunjukkan yang beliau amat memberikan tumpuan pada pengajian agama, dan beliau sanggup meninggalkan kerja pertanian di kampung asalnya Shamshirah dan berpindah ke al-Mahmudiyyah semata-mata untuk belajar. Jadi, kesungguhan Ahmad Abd al-Rahman al-Banna di dalam bidang pengajian ilmu Islam ini telah diwarisi oleh anak sulungnya Hasan al-Banna⁴.

Kegigihan Ahmad Abd al-Rahman al-Banna mendalami ilmu agama diterjemahkan melalui pengajiannya terhadap *Kutub al-Sittah*, *Musnad Imam al-Syafe'i*, *Muwatta' Imam Malik* dan *Musnad Imam Ahmad*. Beliau kemudiannya telah menghasilkan karya-karyanya sendiri seperti *Bada'i al-Musnad fi Jam'i wa Tartib Musnad al-Syafe'i*, dan menyusun *Musnad al-Imam Ahmad* dan menamakannya dengan *al-Fath al-Rabbaniy fi Tartib Musnad al-Imam al-Syaybaniy*, diikuti syarahnya *Bulugh al-Amaniy min Asrar al-Fath al-Rabbaniy*⁵.

Hasan al-Banna mendapat pendidikan formal peringkat rendah di sekolah *al-Rashad al-Diniyyah*. Beliau menimba ilmu di sekolah tersebut sejak berumur 8 tahun sehinggalah beliau bertukar ke sekolah *al-I'dadiyyah* semasa berusia 12 tahun. Hasan al-Banna mengakui pengajian yang diterimanya di sekolah tersebut amat meninggalkan kesan, sehinggakan sebahagian besar pengajian subjek-subjek yang pernah dihafaznya, masih diingati walaupun sekolah tersebut telah lama ditinggalkan⁶.

Beliau amat mengkagumi gurunya Syeikh Mohammad Zahran yang juga merupakan pengasas sekolah *al-Rashad al-Diniyyah*. Walaupun gurunya itu buta, namun keupayaan dan kebolehan

² Anwar al-Jundiy (2000), *Hasan al-Banna; al-Da'iyah al-Imam wa al-Mujaddid al-Shahid*, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 469. Tahun kelahiran Hasan al-Banna adalah berkebetulan dengan tahun kematian seorang tokoh pejuang agama dan akademik tersohor Mesir iaitu Syaykh Muhammad Abduh.

³ Zainab Abu Ghanimah (t.t), *Hasan al-Banna Min al-Milad li al-Istisyhad: Asrar Yarwiha Syaqiquhu Jamal al-Banna*, T.T.P: al-Fath li al-'Ilam al-'Arabiyy, h. 14.

⁴ *Ibid.*, h. 15.

⁵ Anwar al-Jundiy (2000), *op. cit.*, h. 9.

⁶ Hasan al-Banna (1983), *Muzakkirat al-Da'wah wa al-Da'iyah*, c. 5, Bayrut: al-Maktab al-Islamiyy, h. 10.

mendidik murid-murid di bawah tarbiyahnya berjaya meninggalkan kesan mendalam kepada diri Hasan al-Banna⁷. Namun, perdampingan Hasan al-Banna dengan gurunya itu tidak lama. Ini kerana Syeikh Mohammad Zahran tidak dapat lagi memberikan tumpuan terhadap sekolah yang diasaskannya pada tahun 1915 disebabkan urusan yang banyak. Beliau menyerahkan urusan sekolahnya itu kepada orang lain yang menurut Hasan al-Banna, tidak menyamai karisma gurunya Syeikh Mohammad Zahran. Kerana itu Hasan al-Banna memohon kebenaran bapanya untuk berpindah ke sekolah *al-I'dadiyyah*⁸.

Permintaan Hasan al-Banna ini kurang disenangi oleh bapanya kerana di antara tujuan utama Hasan al-Banna diletakkan di sekolah *al-Rashad al-Diniyyah* ialah menamatkan hafazan al-Quran sehingga sempurna. Ketika itu Hasan al-Banna telah menghafaz al-Quran dari juzuk pertama sehingga ke surah *al-Kahf*. Walau bagaimanapun permintaan Hasan al-Banna itu direstui juga oleh bapanya selepas dia berjanji untuk menyempurnakan hafalan al-Quran secara individu di rumah⁹.

Apabila Pihak Berkuasa Buhairah memansuhkan sistem sekolah *al-I'dadiyyah* dan menggantikannya dengan sistem sekolah *al-Ibtida'iyah*, Hasan al-Banna terpaksa memilih sama ada ke *al-Ma'ahad al-Diniy* di Iskandariah atau ke sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* di Damanhur bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Jika ke *al-Ma'ahad al-Diniy*, Hasan al-Banna akan berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti al-Azhar. Manakala sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* pula adalah sebuah sekolah perguruan yang akan mempersiapkan Hasan al-Banna menjadi seorang guru yang berkelayakan dalam tempoh masa tiga tahun sahaja. Akhirnya Hasan al-Banna memilih melanjutkan pengajian ke sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* kerana minatnya pada bidang pendidikan dan dakwah¹⁰.

Walaupun bagaimanapun Hasan al-Banna perlu memenuhi dua syarat utama sebelum berpeluang memasuki sekolah tersebut, iaitu

⁷ Zainab Abu Ghanimah (t.t), *op. cit.*, h. 14.

⁸ Sekolah *al-I'dadiyyah* di waktu itu hampir sama dengan sekolah *al-Ibtida'iyah* dengan pemansuhan subjek bahasa asing dan penambahan beberapa subjek *al-Qawanin al-'Aqariyyah wa al-Maliyyah* (Akta Hartanah dan Kewangan), serta aspek pertanian di samping perluasan dalam pengajian ilmu-ilmu bahasa Arab dan agama Islam. Sila lihat: Hasan al-Banna (1983), *op. cit.*, h. 11.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, h. 15.

pertamanya; perlu menghafaz al-Quran keseluruhannya, dan kedua; umur kelayakan kemasukan ialah 14 tahun. Kedua-dua syarat ini di peringkat awalnya telah menghalang kemasukan Hasan al-Banna ke sekolah tersebut. Ini kerana semenjak Hasan al-Banna keluar dari sekolah *al-Rashad al-Diniyyah*, al-Quran yang dihafaznya hanya setakat surah *Yasin* sahaja (juzuk 22), dan umurnya di waktu itu belum mencecah empat belas tahun. Walau bagaimanapun kedua-dua syarat itu telah diberikan kelonggaran oleh nazir sekolah tersebut iaitu ustaz Bashir al-Dusuqiy Musa, dimana Hasan al-Banna dibenarkan melepasi syarat umur walaupun belum lagi mencecah kepada umur tersebut, dan menerima janji beliau menghabiskan hafazan satu perempat al-Quran yang berbaki. Hasan al-Banna juga telah berjaya melepasi ujian *shafahiy* dan *tahririy* al-Quran dengan baik. Bermula dari itu maka secara rasminya Hasan al-Banna telah menjadi seorang pelajar di sekolah tersebut¹¹.

Ketika berada di sekolah inilah Hasan al-Banna mula berjinak-jinak dengan tarikat *al-Hasafiyyah*¹². Malah Hasan al-Banna menganggap bahawa tempoh masa di sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* selama tiga tahun adalah tempoh penghayatan dalam tasawuf dan ibadat. Namun kesibukan mengikuti tarikat *al-Hasafiyyah* itu tidak menyebabkan beliau mengabaikan pengajiannya di sekolah, malah lebih menaikkan semangat beliau untuk banyak belajar kerana dua faktor utama. Pertamanya kemudahan perpustakaan milik bapanya serta dorongan bapanya yang mahukan Hasan al-Banna sentiasa membaca buku-buku dalam pelbagai disiplin ilmu. Faktor kedua pula kerana barisan guru dan pendidik yang ada di sekolah *al-Mu'allimin* pada waktu itu memberikan beliau dorongan dan semangat yang tinggi untuk menguasai pengajiannya¹³. Selepas Hasan al-Banna menamatkan pengajian di sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah*, beliau terus memohon untuk memasuki *Dar al-'Ulum* yang merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi di Mesir pada waktu itu.

Hasan al-Banna di peringkat awalnya tidak mahu melanjutkan pengajian ke *Dar al-'Ulum*. Ini kerana belajar di *Dar al-'Ulum* bagi beliau adalah sekadar untuk mendapatkan sijil, sedangkan peluang menambahkan ilmu sebenarnya adalah di luar kampus dan tidak semestinya di dalam kampus. Justeru itu Hasan al-Banna melihat

¹¹ *Shafahiy* di atas bermaksud ujian lisan, dan *tahririy* pula ialah ujian penulisan. Lihat: *Ibid.*.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*, h. 30-31.

bahawa sijil adalah fitnah dan haram bagi penuntut ilmu menjadikannya sebagai matlamat akhir pengajian. Hasan al-Banna berpandangan bahawa ilmu adalah untuk dimanfaatkan kepada diri dan masyarakat, tidak untuk mendapat pengiktirafan dan pujian serta gandaan gaji yang lebih mahal berbanding kelulusan pengajian rendah. Pemahaman ini pernah mendorong beliau untuk berazam menerbitkan majalah bulanan dengan nama '*al-Shams*' sehingga telahpun menyiapkan dua keluaran awal bagi tujuan tersebut. Beliau cuba mengikuti jejak langkah gurunya Mohammad Zahran yang pernah menerbitkan majalah bulanan '*al-Is'ad*' dan juga majalah '*al-Manar*' yang diterbitkan oleh Rasyid Redha¹⁴.

Walau bagaimanapun seorang gurunya di sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* iaitu Syaykh Farahat Salim menasihatinya agar beliau memohon kemasukan ke *Dar al-'Ulum* terlebih dahulu, kemudian apabila keputusan permohonan diterima maka barulah Hasan al-Banna boleh membuat keputusan akhir sama ada mahu memasuki kampus tersebut atau menolaknya. Akhirnya Hasan al-Banna menerima cadangan dan nasihat gurunya itu¹⁵.

Setelah tamat pengajian di sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* dengan mendapat tempat pertama di Damanhur, dan tempat kelima di seluruh Mesir, Hasan al-Banna menyambung pengajian tingginya ke *Dar al-'Ulum* pada tahun 1924. Dalam masa yang sama juga beliau telah menerima tawaran kerja sebagai guru daripada pejabat pendidikan Buhaira. Di antara pilihan menyambung pengajian ke *Dar al-'Ulum* atau kerjaya guru, akhirnya Hasan al-Banna memilih *Dar al-'Ulum* untuk meneruskan lagi usaha menuntut ilmu¹⁶.

Dar al-'Ulum sebenarnya merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Mesir pada waktu itu setanding dengan Universiti al-Azhar. *Dar al-'Ulum* telah ditubuhkan oleh Ali Mubarak Pasha pada masa pemerintahan al-Khadiwi Ismail (1863-1879) sebagai mengimbangi pengajian di Universiti al-Azhar yang terikat dengan rujukan-rujukan dan syarahan kitab-kitab lama. Penubuhan *Dar al-'Ulum* adalah untuk membawa sistem pengajian yang bebas dan tidak terikat dengan *hashiyah-hashiyah* sebagaimana pengajian di Universiti

¹⁴ Majalah *al-Manar* merupakan terbitan Mohammad Rashid Reda yang memiliki pengaruh yang meluas di Mesir di waktu itu. Lihat: *Ibid.*, h. 32.

¹⁵ *Ibid.*, h. 33.

¹⁶ *Ibid.*, h. 39.

al-Azhar waktu itu. Penubuhan *Dar al-'Ulum* juga bertujuan mengembalikan kegemilangan yang pernah dicapai oleh *Dar al-Hikmah* di Mesir pada tahun 395 H, di zaman pemerintahan al-Hakim bi Amrillah yang juga berdekatan dengan Universiti al-Azhar yang menjadi pusat pengajian mazhab Syi'ah di waktu itu¹⁷.

Dar al-'Ulum mempunyai ciri-ciri istimewa yang membuktikan kekuatan dan nilai akademik yang ada padanya berbanding institusi pengajian lain terutama Universiti al-Azhar. Ahmad Shalabiy di dalam kitabnya *Mawsu'ah al-Tarikh al-Islamiy* menyenaraikan ciri-ciri utama institusi tersebut¹⁸:

1. Semasa penjajahan Britain, *Dar al-'Ulum* dianggap sebagai sebuah institusi pengajian yang boleh memberikan impak negatif kepada kolonial British melalui dasar pengajiannya. Pernyataan ini dikutip dari laporan pegawai British kepada orang atasannya mengenai dasar pendidikan di Mesir di waktu itu.
2. Ketika *Dar al-'Ulum* mengalami konflik akademik dengan universiti al-Azhar dan jabatan-jabatan bahasa Arab di kuliah-kuliah sastera, Muhammad Abduh sebagai seorang tokoh akademik tersohor di waktu itu mengeluarkan pernyataannya tentang keistimewaan *Dar al-'Ulum*:

مَوْتُ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَتَحْتَ فِي دَارِ الْعُلُومِ

Maksudnya: Bahasa Arab mati di semua tempat dan ia hidup di *Dar al-'Ulum*

3. Beberapa pihak bertanggungjawab telah berusaha menjenamakan semula *Dar al-'Ulum* dengan nama baru yang sesuai dengan pengajiannya seperti nama *Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah*. Walau bagaimanapun ia masih lagi dikenali dengan nama *Dar al-'Ulum* dan pengaruhnya terpahat di empat belas (14) buah kolej pengajian Islam seluruh dunia seperti di Nigeria, India, Malaysia dan lain-lain lagi.

¹⁷ Ahmad Shalabiy (1999), *Mawsu'ah al-Tarikh al-Islamiy*, c. 9, j. 5, Qaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 423-424.

¹⁸ Ahmad Shalabiy (1999), *Mawsu'ah al-Tarikh al-Islamiy*, c. 9, j. 5, Qaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 426-428.

4. Menurut perangkaan rasmi yang dikeluarkan pada tahun 1911 dalam kitab "*al-Ta'lim fi Misr*", *Dar al-'Ulum* telah berjaya melahirkan para graduan yang telah menjawati banyak jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan juga menjadi pensyarah di universiti-universiti luar negara.

Pada bulan Jun 1927 semasa berumur 21 tahun, Hasan al-Banna telah lulus dalam peperiksaan akhir dan berjaya menamatkan pengajiannya di *Dar al-'Ulum* di peringkat diploma. Pada kebiasaan, para pelajar lepasan *Dar al-'Ulum* akan diberi peluang melanjutkan pengajian ke luar negara dengan biasiswa yang disediakan. Tetapi tahun itu *Dar al-'Ulum* membuat keputusan untuk tidak menghantar pelajar lepasannya menyambung pengajian ke luar negara atas sebab-sebab tertentu. Justeru itu Hasan al-Banna membuat keputusan memohon jawatan guru bagi memenuhi cita-citanya sejak dulu iaitu berdakwah dan mengajak masyarakat kepada pengamalan ajaran Islam sebenar¹⁹.

REALITI AKIDAH ISLAM DI MESIR PADA ZAMAN HASAN AL-BANNA

Sebagai sebuah negara umat Islam yang tidak terkecuali dari serangan pengaruh imperialisme, Mesir juga dihujani dengan ancaman pemikiran daripada penjajah Barat yang cuba mencacatkan pegangan rakyat Mesir terhadap akidah Islam. Ancaman ini disambut dengan penuh kesedaran oleh alim ulama Mesir di waktu itu, dan mereka mempertahankan akidah Islam dengan cara mereka sendiri berdasarkan pendekatan masing-masing.

Faktor utama yang menggugat pegangan masyarakat Mesir terhadap akidah Islam ialah pengaruh yang berjaya ditiup oleh dasar imperialisme barat. Apabila penjajah Inggeris mula bertapak di Mesir, maka tentunya akan ada pengaruh yang ditiup sama ada ia disedari oleh umat Islam Mesir ataupun tidak. Justeru itu kesan dari ancaman ini terbukti telah berlaku kepada sosiobudaya masyarakat Mesir yang kemudiannya menyebabkan mereka sedikit demi sedikit meninggalkan ajaran agama Islam yang sebenar. Kesan-kesan dasar imperialisme tersebut jelas disaksikan pada perkara berikut:

¹⁹ Hasan al-Banna (1983), *op.cit.*, h. 58.

1. Pengaruh Zionis

Zionis berjaya menyuntik ideologi darwinisme dan mempengaruhi segelintir rakyat Mesir, hingga ia mula mendapat tempat di beberapa halaman akhbar tempatan yang juga hakikatnya akhbar-akhbar tersebut sebenarnya hasil tangan zionis sendiri²⁰. Ruang yang ada pada mereka ini dipergunakan sebaiknya bagi menanam idea logikal di dalam pemikiran umat Islam dan menolak sikap percaya secara mutlak terhadap ajaran agama.

Zionisme juga berjaya mempengaruhi umat Islam Mesir dan menerapkan mereka dengan hiburan tanpa batas hinggakan budaya hedonisme ini berjaya diiklankan secara terang-terangan di media massa tanpa sebarang sekatan atau tindakan²¹. Apabila budaya ini sudah diiklankan secara terang-terangan, ini menandakan budaya hedonisme sudah menjadi sebahagian daripada sosiobudaya yang utama bagi masyarakat Mesir. Malah di antara senjata utama zionis untuk melemahkan umat Islam adalah melalui penyaluran budaya hedonisme tanpa batasan sehingga umat Islam akhirnya jauh dari ajaran Islam yang sebenar.

2. Ideologi Moden

Mesir juga di waktu itu diancam oleh penyebaran ideologi-ideologi moden yang dibawa oleh imperialisme-zionisme seperti sekularisme, liberalisme, sosialisme dan feminisme²². Tindakan segelintir wanita Mesir yang berpengaruh dalam beberapa perarakan besar yang menuntut kemerdekaan Mesir dengan mencabut tudung-tudung kepala mereka menimbulkan tanda tanya tujuan sebenar mereka melakukan tindakan seumpama itu. Sedangkan konsep pemakaian tudung itu sendiri tidak pernah dilihat bercanggah dengan tuntutan memerdekakan Mesir daripada cengkaman penjajah. Boleh jadi kemerdekaan yang diinginkan oleh mereka bukan hanya merdeka daripada penjajah, tetapi juga daripada ajaran agama Islam, yang sebenarnya tindakan sebegitu adalah hasil didikan feminisme.

²⁰ Anwar al-Jundi (2000), *op. cit.*, h. 476.

²¹ Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz (2003), *Zuruf al-Nash'ah wa Shakhshiyyah al-Imam al-Mu'assis: Awraq min Tarikh al-Ikhwan al-Muslimin*, al-Qaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah, h. 71-84.

²² Hasan al-Banna (1983), *op. cit.*, h. 49. Lihat juga: Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz (2003), *op. cit.*, h. 118-126.

Sekularisme sendiri berjaya menjadikan pengamalan agama sebagai urusan peribadi yang tiada kaitan dengan masyarakat²³.

3. Institusi Pengajian Barat

Imperialisme Inggeris sebenarnya tidak bersendirian dalam usaha-usaha di atas. Mereka juga dibantu oleh anak jati Mesir sendiri melalui graduan-graduan Mesir lepasan pendidikan Barat dan juga sekolah-sekolah Inggeris yang ditubuhkan di Mesir di waktu itu, yang sedikit-sebanyak berjaya meninggalkan pengaruh mereka terhadap corak pemikiran rakyat Mesir²⁴. Anak-anak bangsa Mesir yang berperanan menggerakkan usaha penyebaran sosiobudaya dan pemikiran barat ini ialah Salamah Musa, 'Ali 'Abd al-Raziq, Taha Hussein, Muhammad Hussein Haykal, Ahmad Lutfi, Mahmud 'Azmiy dan lain-lain lagi²⁵.

Walau bagaimanapun kesemua ancaman di atas tidak didiamkan oleh alim ulama Mesir begitu sahaja. Masih ada tindakan-tindakan agresif yang diambil bagi menangani anasir bahaya tersebut. Ada di kalangan mereka yang menggunakan pendekatan pemikiran barat untuk menghadapi serangan pemikiran Barat seperti yang dilakukan oleh Tantawi Jawhariy, Ridwan Shafi'iy al-Muta'afiy dan Muhammad Farid Wajdiy. Ada juga yang menggunakan pendekatan Islam bagi menolak serangan pemikiran Barat itu. Mereka yang mempelopori gerakan ini ialah Mustafa Sabriy, Muhammad al-Khudar Husayn, Dr. Muhammad Ahmad al-Ghumrawiy dan lain-lain lagi²⁶. Demikian juga tindakan yang diambil oleh alim ulama yang lebih terdahulu seperti Muhammad Abduh, Rashid Reda, Muhib al-Din al-Khatib yang mengishtiharkan perang terhadap anasir-anasir negatif ini melalui karya-karya mereka²⁷. Hasan al-Banna sendiri merasai bertanggungjawab dengan fenomena ini dan berusaha memperbaiki cara hidup rakyat Mesir khususnya melalui penubuhan gerakan Ikhwan al-Muslimin.

²³ *Ibid.*, h. 118-126.

²⁴ *Ibid.*, h. 118.

²⁵ *Ibid.*, h. 118-126.

²⁶ *Ibid.*, h. 108-109.

²⁷ *Ibid.*, h. 112.

SUMBANGAN AKIDAH HASAN AL-BANNA

Sebagai seorang pendakwah, Hasan al-Banna sentiasa mencari jalan terbaik untuk menyampaikan dakwah Islam kepada semua lapisan masyarakat, dan memastikan kemurnian akidah Islam sentiasa terpelihara dari pengaruh asing. Justeru, sumbangan beliau itu dapat dilihat mengikut pembahagian berikut:

1. SUMBANGAN KERJAYA

Hasan al-Banna memiliki dua kerjaya, pertamanya kerjaya guru yang terikat dengan sistem gaji dan akta perguruan, dan keduanya kerjaya sebagai seorang pendakwah. Kerjaya kedua ini lebih umum dan ia dilihat lebih memberikan kesan kepada masyarakat yang menjadi sasaran dakwahnya.

Apabila Hasan al-Banna ditugaskan sebagai guru di sebuah sekolah di Isma'iliyyah, beliau segera mencari-cari tugas yang perlu dilaksanakan olehnya sebagai seorang pendakwah. Di peringkat awal ini beliau menumpukan dakwahnya kepada masyarakat Isma'iliyyah yang menghuni kelab-kelab malam, kaferia dan tempat tumpuan awam, bukannya di masjid atau surau yang dihadiri oleh orang yang sudah tahu tentang tuntutan agama. Di dalam skop dakwah yang seumpama ini, Hasan al-Banna cuba mengambil peluang menyampaikan isi-isi utama dakwahnya dengan sebaik mungkin di dalam masa yang terbatas. Akhirnya pendekatan ini mendapat sambutan ramai daripada segenap lapisan masyarakat.

Di antara agenda utama dakwah Hasan al-Banna ialah memfokuskan pembinaan akidah Islam yang sebenar. Perkara pertama yang ditekankan oleh beliau ialah mengenai sumber rujukan akidah, iaitu dengan merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah, manhaj orang-orang salih dan manhaj orang-orang mukmin yang terbukti keyakinan mereka dengan akidah Islam. Perkara kedua pula ialah tidak menggunakan pendekatan falsafah dan kiasan mantik dalam pengajaran akidah. Bahkan beliau hanya menggunakan pendekatan penghayatan terhadap keagungan Allah Ta'ala melalui ciptaan kejadianNya, merasai keagungan sifat-sifatNya melalui pengamatan terhadap kejadian makhlukNya, dan memperingatkan tentang akhirat melalui pendekatan al-Quran. Hasan al-Banna percaya bahawa untuk memperbaiki akidah dan kepercayaan yang rosak mestilah didahulukan

dengan pembinaan akidah yang sah²⁸. Kaedah pembinaan akidah Islam ini telah dijelaskan oleh beliau dengan lebih lanjut melalui risalah akidah terakhirnya iaitu "*Allah fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*".

2. SUMBANGAN KARYA

Hasan al-Banna banyak menulis karya-karya khususnya berbentuk risalah bagi memberikan sumbangannya dalam penyebaran dakwah Islam. Risalah-risalah tersebut telah dimuatkan di dalam akhbar dan majalah terbitan Ikhwan al-Muslimin sendiri dan juga terbitan syarikat persendirian. Di antaranya ialah akhbar *Jaridah al-Ikhwan al-Muslimin al-Usubu'iyah*, Majalah *al-Nazir*, Majalah *al-Manar*, Majalah *al-Ta'aruf*, Majalah *al-Ikhwan al-Muslimin al-Nisf Shahriyyah*, *Jaridah al-Ikhwan al-Muslimin al-Yawmiyyah*, Majalah *al-Shihab* dan Majalah *al-Fath*.

Karya-karya Hasan al-Banna yang membincangkan secara spesifik tentang akidah Islam ialah *Risalah al-'Aqā'id*, *'Aqidatuna* dan *Allah fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Selain itu Hasan al-Banna juga menyebutkan tentang kepentingan kemurnian akidah Islam ini di dalam risalah-risalah lain seperti *Risalah al-Ta'lim* dan *Risalah al-Mu'tamar al-Khamis*, tetapi tidak secara spesifik sepertimana di dalam risalah-risalah akidah tadi.

a. Risalah al-'Aqā'id

Risalah *al-'Aqā'id* merupakan risalah akidah pertama Hasan al-Banna yang diterbitkan pada 28 Safar 1352 bersamaan 22 Jun 1933²⁹ ketika beliau berumur 27 tahun. Risalah ini mengandungi perbincangan tentang *dhāt* Allah, *asmā' al-husnā* dan sifat-sifatNya, dan topik-topik tersebut menjadi kandungan bahagian *al-Ilāhiyyāt* dalam ilmu akidah Islam. Walaupun di awal risalah ini ada disebut tentang pembahagian akidah Islam kepada *al-Ilāhiyyāt*, *al-Nubuwwāt*, *al-Rūḥāniyyāt* dan *al-Sam'iyāt*, namun hanya kategori *al-Ilāhiyyāt* sahaja yang diuraikan di dalam risalah ini dengan skop seperti yang disebutkan tadi. Hasan al-Bannā membicarakan secara ringkas tentang *dhāt* Allah, diikuti topik mengenai nama-nama Allah yang dibincangkan dengan agak panjang lebar. Dan perbincangan beliau adalah lebih panjang di dalam

²⁸ Hasan al-Banna (1983), *op. cit.*, h. 64.

²⁹ Jumu'ah Amin 'Abd al-'Aziz (2004), *Silsilah min Turāth al-Imām al-Bannā: al-Kitāb al-Awwal al-'Aqīdah wa al-Hadīth*, al-Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, h. 45.

topik sifat-sifat Allah kerana topik tersebut sememangnya menjadi isu hangat di antara umat Islam daripada pelbagai manhaj dan aliran akidah umat Islam³⁰.

Berdasarkan penelitian terhadap risalah ini, dapatlah dicerapi sumbangan Hasan al-Banna terhadap kepentingan akidah Islam, sebagaimana berikut:

- i. Konsep akidah yang dibentangkan oleh Hasan al-Banna adalah selari dengan konsep akidah Islam menurut majoriti ulama Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sepanjang zaman. Konsep inilah yang menjadi panduan bagi hampir setengah juta pengikut jemaah *Ikhwan al-Muslimin* yang dipimpin oleh Hasan al-Banna sendiri pada waktu itu.
- ii. Risalah *al-'Aqā'id* membawakan konsep keterbukaan manhaj dalam berakidah, iaitu yang melibatkan manhaj *al-Salaf* dan *al-Khalaf* sahaja, tidak termasuk aliran-aliran akidah yang bukan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* seperti *Syi'ah* dan seumpamanya. Isu utama yang membangkitkan kontroversi di antara *al-Salaf* dan *al-Khalaf* ialah mengenai *ayat al-sifat wa ahadithuha* (ayat dan hadith mengenai sifat *mutashabihat*). Dalam hal ini, Hasan al-Banna telah memilih manhaj *al-Salaf* sebagai manhaj akidahnya, tetapi masih terbuka dengan manhaj *al-Khalaf*, dalam erti kata tidak menyalah atau menghukum metode *al-Khalaf* itu dengan hukuman fasik dan kufur. Manhaj *al-Salaf* menurut Hasan al-Banna ialah mengisbatkan makna zahir bagi sifat *yad*, *'ayn*, *a'yun*, *istiwā'*, *dahik*, *ta'ajjub* dan seumpamanya, dengan hakikat makna yang tidak dapat ditanggapi oleh akal. Manakala manhaj *al-Khalaf* pula melihat sifat *mutashabihat* itu mengandungi makna *majaz* yang tiada halangan untuk ditakwilkan. Contohnya sifat "*al-wajh*" ditakwil dengan makna zat, "*al-yad*" dengan makna kuasa kerana bertujuan lari dari penyerupaan dengan makhluk.
- iii. Konsep keterbukaan ini telah menghasilkan impak yang besar dalam skop perhubungan awam, dimana matlamat kesatuan ummah sebagai agenda utama gerakan dakwah *Ikhwan al-Muslimin* amat memerlukan konsep yang seumpama ini bagi tujuan penyatuan tersebut. Hasan al-

³⁰ *Ibid.*, h. 45-86.

Banna berjaya mencapai matlamat penyatuan ini dengan mengurangkan jarak perselisihan pendapat yang ada kepada had yang paling minima. Metode ini juga telah menjadi panduan dakwah bagi kebanyakan gerakan Islam lain di seluruh dunia.

b. Risalah *Aqīdatuna*

Risalah akidah kedua Hasan al-Banna ialah risalah ringkas bertajuk; '*Aqīdatuna*', telah diterbitkan dalam akhbar *Jarīdah al-Ikhwān al-Muslimīn al-Usbū'īyyah*, bilangan 2 bertarikh 26 Muharram 1353H bersamaan 11 Mei 1934³¹ ketika usia beliau 28 tahun. Risalah '*Aqīdatuna*' ini menyenaraikan tujuh prinsip berikut:

- i. Saya percaya bahawa semua urusan milik Allah Ta'ala, Nabi Muhammad SAW adalah rasul terakhir untuk semua manusia, yakin dengan hari pembalasan, dan al-Quran adalah kitab Allah, dan Islam adalah perundangan menyeluruh bagi peraturan di dunia dan akhirat.
Saya berjanji menjadi golongan al-Quran, berpegang dengan al-Sunnah, dan mempelajari sirah nabawiyyah dan sejarah para Sahabah RA.
- ii. Saya percaya bahawa istiqamah (konsistensi), kemuliaan dan ilmu adalah daripada prinsip-prinsip Islam.
Saya berjanji menjadi orang yang telus, melaksanakan ibadat dan menjauhi kemungkaran dengan penambahan pada berakhlak baik dan mengikis akhlak buruk, mengamalkan adat Islam sehingga termampu, mengutamakan kasih sayang dalam menentukan sesuatu keputusan, tidak merujuk kepada badan kehakiman kecuali terpaksa, bermegah dengan syiar-syiar Islam dan bahasanya, berkerja untuk mencetuskan ilmu-ilmu dan maklumat yang bermanfaat dalam lapisan masyarakat.
- iii. Saya percaya bahawa setiap muslim dituntut berkerja dan berusaha, dan dalam hartanya yang diusahakan ada hak wajib untuk orang yang meminta-minta dan yang enggan meminta-minta.
Saya berjanji untuk berkerja untuk usaha hidup dan mengambil kira keperluan masa depan, menunaikan zakat harta dan memperuntukkan sejumlah hasil pendapatan untuk kebajikan dan kebaikan, menyokong semua sistem

³¹ *Ibid.*, h. 121-122.

ekonomi Islam yang bermanfaat, mengutamakan keluaran-keluaran negara, agama dan tanah air, tidak berurusan dengan riba dalam semua urusan, dan tidak melampaui batas dalam aspek tambahan kesempurnaan hidup yang melebihi kemampuan saya.

- iv. Saya percaya bahawa setiap muslim dipersoalkan tentang keluarganya, dan menjadi kewajipannya menjaga kesejahteraan, kepercayaan dan akhlaknya.

Saya berjanji berusaha bersungguh-sungguh untuk itu, dan membangkitkan ajaran-ajaran Islam ke dalam diri setiap individu keluarga saya, tidak menghantar anak-anak ke sekolah yang tidak terjaga kepercayaan dan akhlak mereka, memutuskan pertalian dengan semua majalah, media massa, buku-buku, realiti persekitaran, fahaman-fahaman dan kelab-kelab persatuan yang bercanggahan dengan ajaran Islam.

- v. Saya percaya bahawa menjadi kewajipan setiap muslim menghidupkan kemuliaan Islam dengan menggerakkan kesedaran masyarakatnya dan mengembalikan syariat perundangannya, dan percaya bahawa panji Islam mesti memimpin masyarakat, dan bahawa menjadi tugas setiap muslim mendidik alam dengan kaedah Islam.

Saya berjanji untuk bersungguh-sungguh pada jalan menunaikan tanggungjawab risalah ini selama mana saya hidup, dan saya berkorban pada jalannya dengan segala yang saya miliki.

- vi. Saya percaya bahawa semua orang Islam adalah satu umat yang terikat dengan akidah Islam. Dan sesungguhnya Islam memerintahkan para penganutnya berbuat baik terhadap semua manusia.

Saya berjanji untuk mengerah kesungguhan bagi mengeratkan hubungan persaudaraan di antara semua orang Islam, dan membuang yang sia-sia dan perselisihan di antara golongan-golongan dan aliran-aliran mereka.

- vii. Saya percaya bahawa rahsia kemunduran umat Islam ialah jauhnya mereka daripada ajaran agama mereka, dan bahawa asas pembaikian ialah kembali semula kepada ajaran dan hukum hakam Islam. Yang demikian itu (kemajuan) tidak mustahil jika umat Islam kembali mengamalkannya, dan sesungguhnya pemahaman Ikhwan al-Muslimin ialah merealisasikan matlamat ini.

Saya berjanji untuk konsisten di atas prinsip-prinsip ini dan ikhlas dalam setiap kerja untuknya, dan saya menjadi askar

memberi khidmat kepadanya, atau saya mati di atas jalannya.

Fungsi risalah ini adalah cuba membentuk akidah yang lengkap dan tepat dengan akidah Islam yang mesti dianuti dan dipercayai oleh para penyokong gerakan *Ikhwan al-Muslimin* khususnya. Akidah ini bertunjangkan dua asas, pertama ialah kepercayaan, dan kedua ialah praktikal bagi kepercayaan itu. Justeru Hasan al-Banna telah mempergunakan pengaruhnya sebagai seorang pemimpin bagi gerakan *Ikhwan al-Muslimin* yang ahlinya sangat ramai, juga sebagai seorang pendakwah agama Islam, untuk mengajak umat Islam segenap lapisan untuk menganuti prinsip-prinsip akidah dan akhlak Islam sebagaimana yang dinyatakannya melalui risalah '*Aqidatuna* ini. Demikianlah sumbangan Hasan al-Banna terhadap kerja-kerja memperkuatkan umat Islam dengan akidah Islam.

c. Risalah *Allah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*

Karya "*Allah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*" merupakan risalah akidah Hasan al-Banna yang ketiga, dan telah dimuatkan di dalam majalah *al-Shihāb* sebanyak tiga keluaran iaitu Disember 1947, Januari dan Februari 1948 ketika usianya 42 tahun. Karya ini merupakan karya akidah terakhir yang ditulisnya sebelum syahid pada 12 Februari 1949. Pada keluaran pertama, kandungan risalah ini menyenaraikan enam prinsip penting kepercayaan kepada Allah yang mesti ada di dalam akidah setiap muslim, iaitu³²:

- i. Percaya dengan kewujudan Allah dan menyifatkanNya dengan sifat-sifat kesempurnaan hasil pemerhatian terhadap alam kejadian.
- ii. Menafikan sifat-sifat keserupaan dan kekurangan daripada Allah Ta'ala.
- iii. Tidak memperincikan hakikat zat dan sifat-sifat Allah Ta'ala, di samping pengakuan bersalahan zat dan sifat-sifatNya daripada zat dan sifat-sifat makhlukNya.
- iv. Menggunakan pemerhatian dan pemikiran akal yang betul terhadap alam kejadian bagi tujuan mengetahui tentang sifat-sifat Allah dan kesempurnaan *uluhiyyah*Nya, ciri-ciriNya dan bukti-buktiNya.
- v. Memperkuatkan hubungan kerohanian di antara insan dengan Tuhannya.

³² Hasan al-Banna (2000). *Allah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*, susunan: Fath Allah Khalif, T.T.P: T.P, h. 9-13.

- vi. Menuntut orang-orang mukmin agar menzahirkan ciri-ciri manhaj akidah ini melalui perkataan dan perbuatan mereka.

Keluaran kedua pula adalah ulasan berkenaan akidah *atheis* (tidak mempercayai Tuhan) dan anggapan bahawa agama adalah candu masyarakat. Pemahaman tersebut ditolak oleh Hasan al-Bannā melalui dalil fitrah, dalil *badahah* (dalil langsung), dan kenyataan beberapa saintis Barat berkenaan hal ini. Hasan al-Banna berbicara mengenai kelemahan akal bagi membuktikan kesalahan tanggapan golongan *atheis*, dan berbicara mengenai keperluan akidah manusia kepada akidah Islam bagi menolak dakwaan agama sebagai candu masyarakat³³.

Keluaran ketiga adalah berkaitan perbincangan konsep kekufuran dan kesyirikan yang menjadi teras akidah dan kepercayaan umat-umat dahulu kala termasuk kepercayaan Arab jahiliyah yang engkar dan syirik kepada Allah. Melalui risalah ini Hasan al-Banna membongkarkan kesalahan yang ada dalam akidah-akidah tersebut dan sanggahan al-Quran terhadap kesemua akidah salah itu³⁴.

d. Risalah *al-Ta'ālīm*

Al-Uṣūl al-'Ishrūn (Prinsip Dua Puluh) pula adalah himpunan prinsip bagi rukun *al-Fahm*, yang merupakan rukun pertama dari sepuluh rukun *bay'ah* (ikrar setia) dakwah Hasan al-Bannā. Kesemua rukun ini terkandung di dalam risalah *al-Ta'ālīm*. *Al-Uṣūl al-'Ishrūn* ini menekankan tentang isi-isi pemahaman yang perlu berlubuk di dalam pemikiran para pendokong gerakan islah *Ikhwān al-Muslimīn*, agar matlamat perjuangan mereka dapat sampai ke titik yang sepadu. Namun tidak semua prinsip ini membicarakan tentang akidah, kerana hanya dua prinsip sahaja yang menyentuh secara jelas tentang aspek akidah. Prinsip kesepuluh menegaskan tentang pentingnya bermanhajkan akidah *al-Salaf al-Ṣāliḥ*, dan prinsip ketujuh belas mengenai keutamaan akidah sebagai asas amalan³⁵. Jadi, melalui risalah ini Hasan al-Banna menekankan tentang keutamaan berpegang dengan manhaj akidah *al-Salaf al-Salih* berbanding dengan manhaj *al-Khalaf*. Beliau memberikan perhatian terhadap aspek akidah yang menjadi asas bagi amalan dan tindak tanduk setiap muslim.

³³ *Ibid.*, h. 15-26.

³⁴ *Ibid.*, h. 27-39.

³⁵ Hasan al-Banna (1992), Risalah al-Ta'ālīm, dalam: *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*, T.T.P: Dar al-Shihab, h. 356-359.

3. SUMBANGAN ORGANISASI

Melalui organisasi yang ditubuhkannya, Hasan al-Banna berpeluang mencorak manhaj akidah yang perlu menjadi panduan bagi para pengikut gerakan Ikhwan al-Muslimin. Benar pepatah yang mengatakan: “الْأَمْرُ عَلَى دِينِ مُلُوكِهِمْ”, iaitu *manusia biasanya mengikut cara hidup para pemimpin mereka*. Dengan slogan kembali kepada kesedaran Islam, maka Hasan al-Banna menyeru umat Islam khususnya para penyokong *Ikhwan al-Muslimin* agar mengembalikan manhaj akidah yang mereka anuti sepertimana yang menjadi anutan generasi *al-Salaf al-Salih* terdahulu. Walaupun tidak semua penyokongnya memberi perhatian tentang tuntutan ini, namun pendirian Hasan al-Banna dalam isu akidah *al-Salaf* ini adalah sangat jelas. Prinsip *ukhuwwah* (persaudaraan) yang menjadi urat nadi bagi *Ikhwan al-Muslimin* sendiri telah didasarkan kepada ikatan akidah³⁶. Justeru Hasan al-Banna telah memberikan sumbangan akidahnya melalui gerakan organisasinya *Ikhwan al-Muslimin* dalam dua situasi:

- i. Mengajak umat Islam berpegang dengan manhaj akidah *al-Salaf* dan *al-Khalaf*, dengan meletakkan keutamaan pilihan pada manhaj akidah *al-Salaf*. Walau bagaimanapun Hasan al-Banna bersikap terbuka dengan manhaj *al-Khalaf*.
- ii. Memastikan anggota jemaah *Ikhwan al-Muslimin* dan umat Islam di persekitaran dakwahnya tetap konsisten dengan akidah Islam dan menjauhi pengaruh kristianisasi, faham liberal, faham Darwin dan seumpamanya yang mengancam akidah dan pemikiran umat Islam di waktu itu.

RUMUSAN

Akidah adalah asas dan prinsip bagi tindak tanduk seseorang muslim dalam kehidupannya. Sebagai seorang pendakwah dan pemimpin gerakan *Ikhwan al-Muslimin*, Hasan al-Banna sangat memberikan perhatian terhadap aspek akidah ini. Ini kerana insan yang hidup di atas muka bumi Allah sebenarnya dicorakkan oleh akidah yang mendasari hati dan pemikirannya. Kerana itu Hasan al-Banna

³⁶ *Ibid.*, h. 364.

menggunakan segala mekanisme yang ada untuk melahirkan insan mukmin yang betul akidahnya.

Hasan al-Banna menggunakan tiga kaedah utama dalam usahanya memantapkan akidah umat Islam khususnya di Mesir. Pertamanya melalui kerjaya sebagai pendakwah, kedua melalui karya dan tulisannya, dan ketiga melalui pemahaman yang ditanam dalam hati dan pemikiran para penyokong gerakan *Ikhwan al-Muslimin*. Disebabkan Hasan al-Banna merupakan tokoh pendakwah dan pemimpin yang disegani, manhaj akidahnya telah menjadi panduan dan pilihan sebahagian umat Islam di Mesir dan luar Mesir, sama ada pada masanya dahulu mahupun dalam kalangan umat Islam pada hari ini. Justeru itulah Hasan al-Banna dapat memberikan sumbangannya dalam memurnikan akidah umat Islam, dengan mengutamakan manhaj al-Salaf yang diiktiraf sebagai manhaj yang sejahtera dan selari dengan ajaran asal akidah Islam.